



PENGGUNA TERPERANGKAP: Plaza Tol Batu 9 Cheras dinaiki air selepas hujan hampir empat jam di ibu negara, petang semalam.

Lebuh raya terjejas banjir

Hujan lebat lebih empat jam sebabkan kesesakan teruk di Lembah Klang

Oleh Adha Ghazali

KUALA LUMPUR: Hujan lebat lebih empat jam bermula jam 2 petang, semalam menyebabkan banjir kilat di beberapa kawasan rendah dan di tepi tebing Sungai Klang, di sekitar ibu kota dinaiki air sedalam 0.6 meter hingga dua meter.

Banjir kilat itu turut menyebabkan kesesakan teruk di beberapa lebuh raya dan laluan utama di pusat bandar raya termasuk Lebuh raya Persekutuan, Lebuh raya Sungai Besi,

Lebuh raya Lingkaran Tengah (MRR2), Jalan Tun Razak, Jalan Dutta, Segambut, Jalan Kuching, Jalan Istana, Jalan Cheras, Jalan Puduraya dan Jalan Selayang.

Kesesakan itu berlanjutan sehingga jam 8 malam tadi, berikutan penutupan beberapa jalan utama di Bukit Bintang, Jalan Sungai Buloh dan Jalan Cheras-Kajang.

Jurucakap Bilik Gerakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ketika dihubungi berkata, hujan lebat turut menyebabkan beberapa kawa-

san perumahan di sekitar Taman Miharja dan Batu 9, Cheras dinaiki air.

Katanya, air sedalam 0.6 meter turut menenggelamkan lebih 50 kenderaan di sepanjang jalan terbabit.

"Hujan lebat dan angin kencang juga turut menyebabkan pokok tumbang di sekitar Jalan Imbi, di sini, sehingga dahannya merintang landasan KL Monorail System Sdn Bhd (KL Monorail), mengakibatkan perkhidmatannya tergendala sementara," katanya.

Perkhidmatan monorel tergendala

lebih dua jam setengah, menyebabkan lebih 900 penumpang terkandas.

Jurucakap KL Monorail ketika dihubungi berkata, seorang pemandu tren segera menghubungi pusat kawalan operasi apabila mengesan dahan pokok terjatuh atas landasan itu selepas bertolak dari stesen Jalan Imbi.

Sementara itu, lebih 200 pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Confucian, di Jalan Sungai Besi, di sini, diarah berpindah ke tingkat atas bangunan selepas

air Sungai Klang melimpah ke kawasan sekolah.

Hujan lebat menyebabkan tingkat bawah bangunan sekolah itu dinaiki air sedalam kira-kira dua meter, sehingga memaksa pihak sekolah memindahkan pelajar ke tingkat lebih tinggi.

Difahamkan, tembok batu setinggi dua meter yang dibina pihak sekolah untuk mengelak kejadian banjir tidak dapat menahan limpahan air Sungai Klang yang bersebelahan sekolah.